

Fiberail labur RM15 juta bagi pengembangan operasi

KUALA LUMPUR 4 Mei - Penyedia perkhidmatan dan kemudahan komunikasi, Fiberail Sdn. Bhd. (Fiberail) telah melabur sebanyak RM15 juta untuk projek-projek baru bagi tujuan pengembangan operasinya.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, N. Balasingham berkata, pihaknya telah mengembangkan jaringan mereka di utara Semenanjung dan Lembah Klang bagi menampung kapasiti tambahan.

"Kerja-kerja pembangunan masih dijalankan dan dijangka siap pada hujung bulan ini.

"Kita juga telah memperuntukkan sebanyak RM10 juta hingga suku kedua tahun ini bagi pengembangan infrastruktur yang mampu menawarkan perkhidmatan lebih luas kepada pelanggan," katanya kepada *Utusan Malaysia*, di sini.

Fiberail yang memulakan operasinya pada tahun 1992 merupakan syarikat usaha sama antara Telekom Malaysia Bhd. (TM), Kereta-

pi Tanah Melayu (KTMB) dan Petrofibre Network (M) Sdn. Bhd. (Petrofibre) dengan syarikat telekomunikasi itu memiliki 54 peratus kepentingan, manakala 40 peratus dipegang oleh KTMB dan 10 peratus lagi oleh Petrofibre.

Fiberail yang mempunyai rangkaian gentian optik sepanjang 4,000km, yang mana 1,600km sepanjang landasan keretapi adalah milik Fiberail manakala 1,400km lagi milik Petrofibre di sepanjang saluran gas milik Petrolim Nasional Bhd. (Petronas) itu.

Fiberail terlibat dalam perkhidmatan penyewaan gentian optik teras selain menyediakan perkhidmatan jalur lebar.

Syarikat itu mempunyai tiga rangkaian gentian optik dari Padang Besar, Perlis hingga ke Johor Bahru dan dari Gemas, Negeri Sembilan ke Tumpat dan Rantau Panjang, Kelantan yang sesuai untuk kegunaan data, suara dan video serta perkhidmatan ke Pantai Timur, terutamanya Pahang dan Terengganu menerusi saluran gas milik Petronas.

Menurut Balasingham, pihaknya turut melakukan kerja-kerja pemasangan kabel untuk landasan kereta api berkembar dari Rawang ke Padang Besar yang melibatkan belanja sebanyak RM35 juta.

"Kerja memasang kabel telah bermula sejak tahun lalu dan dijangka siap antara suku kedua atau ketiga tahun ini," katanya.

Projek pembinaan jalan kereta api berkembar sepanjang 329km bernilai RM2.6 bilion itu adalah usaha sama Kumpulan Gamuda Bhd. (Gamuda) dan rakan kongsi perniagaannya, MMC Corp. Bhd. (MMC).

Beliau menjangkakan perolehan syarikat akan menurun sebanyak 0.95 peratus kepada RM105 juta pada tahun ini berbanding RM110 juta pada tahun lalu, ekoran kos pembayaran untuk projek landasan kereta api berkembar Gamuda-MMC dibuat sekali gus.

"Namun, saya yakin perolehan syarikat akan kembali positif pada tahun depan kerana pertumbuhan yang berterusan daripada produk teras kita," jelas beliau.

Menurutnya, pihaknya telah membida antara 15 dan 20 projek pada tahun ini.

"Kebanyakan projek yang dibida adalah dalam pasaran tempatan atau dalam syarikat tempatan di bawah pengendalian pemain asing seperti NTT DoCoMo dan AT&T Inc.," ujarnya.

Balasingham berkata, cabaran utama syarikat ialah meningkatkan pasaran dan mengekalkan keuntungan, selain persaingan sengit berikutan teknologi yang canggih.

Produk dan perkhidmatan Fiberail merangkumi gentian optik, perkhidmatan jalur lebar, Metro Ethernet, perkhidmatan tambahan iaitu pajakan menara telekomunikasi dan ruang kabin dan kebanyakan pelanggan mereka terdiri daripada syarikat-syarikat telekomunikasi.

Fiberail yang memiliki 20 pusat operasi di seluruh negara iaitu Pusat Kawalan Kebangsaan (NCC) di KTMB dan kaunter maklumat 24 jam, mampu memenuhi keperluan pelanggan dengan berkesan.